

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HKN421 – Karya Agung Melayu

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. **Soalan 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab** dan pilih TIGA (3) soalan lagi daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A: **Soalan WAJIB dijawab.**

1. Kajian dan penerbitan Karya Agung Melayu menuntut suatu penelitian manuskrip Melayu yang mendalam dan ilmiah. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan apa yang anda fahami dengan Karya Agung Melayu dan permasalahan-permasalahan kajian manuskrip yang berhubungan dengannya.

[100 markah]

Bahagian B

2. Mengikut logik dalaman teks *Sulalatus Salatin/ Sejarah Melayu*, kegemilangan kesultanan Melayu di Melaka bermula dengan kisah kedatangan agama Islam yang luar biasa tetapi akhirnya Melaka runtuh dan binasa. Buat SATU hurai tentang sejauh mana benarnya kelemahan nilai keislaman Sultan Mahmud Shah telah membawa kepada keruntuhan kesultanan Melaka.

[100 markah]

3. Bahaskan bagaimana dapat dikatakan *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* sebagai sebuah Karya Agung yang terbaik dalam sejarah persuratan Melayu.

[100 markah]

4. Baca petikan daripada *Bustan al-Salatin* (2008) berikut:

“Syahadan, apabila laki-laki itu mencuba segala pekerjaan dunia maka tiada ia membaca kitab nescaya tiadalah sempurna akalnya. Maka nyatalah umur manusia itu tiada berapa jua. Dan jika tiada hasil akan dia segala yang diketahuinya dalam umurnya yang pendek melainkan dengan membaca segala kitab jua. Maka pedang dan kalam itu dihukumkan keduanya akan segala suatu. Jikalau tiada pedang dan kalam nescaya tiadalah hasil perintah dunia.”

Berikan hujahan secara kritis tentang maksud “pedang dan kalam” yang terkandung dalam petikan di atas dari sudut tadbir urus pemerintahan seorang raja.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

5. Dalam *Bustan al-Salatin*, terdapat peristiwa Sultan Iskandar Thani berburu binatang liar dan menziarahi makam para alim ulama yang terletak di Pasai. Berdasarkan hujah-hujah yang jelas, perlihatkan kepentingan peristiwa tersebut kepada pemerintahan seorang pemimpin negara dan kerelevannya sehingga ke hari ini.

[100 markah]

6. Dengan mengambil peristiwa Hang Jebat derhaka kepada Sultan Melaka seperti tersurat dalam *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*, bahaskan secara kritis tentang suara rakyat yang ingin diperjuangkan dan bagaimana bentuk perbezaan yang wujud dalam pemerian cerita yang terdapat dalam kedua-dua buah teks tersebut.

[100 markah]

7. Baca petikan berikut dan jawab soalan yang diberikan:

“Kemudian dari itu diperbuatnya suatu buatan, ertinya kebun, terlalu indah-indah, kira-kira empat ribu depa luasnya di sebelah matahari hidup tasik itu. Maka di tamannya pelbagai bunga-bungaan dan aneka-aneka buah-buahan. Maka digelar baginda bustan itu Taman Ghairat” (*Hikayat Hang Tuah*, 1991)

Berikan SATU penilaian kritis sejauh mana kewujudan Taman Ghairat boleh meningkatkan kedudukan *Hikayat Hang Tuah* sebagai sebuah Karya Agung Melayu.

[100 markah]

- oooOooo -